

14/12/1998

Usul Pemuda kecam campur tangan dilulus

PERHIMPUNAN Agung Khas Umno bagi meminda perlembagaan parti hari ini meluluskan usul tergepar Pergerakan Pemuda Umno mengecam campur tangan kuasa asing dalam urusan dalaman negara serta mempertahankan kesucian Islam daripada diperalatkan untuk kepentingan politik.

Usul berkenaan dibentangkan oleh Pemangku Ketuanya, Datuk Hishamuddin Hussein sejurus selepas ucapan perasmian Persidangan Agung Khas Umno oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia diluluskan sebulat suara selepas perwakilan dari setiap negeri diberi peluang membahaskannya pada sesi petang persidangan.

Berucap membentangkan usul itu, Hishammuddin berkata, kedaulatan negara perlu dipertahankan daripada ancaman musuh sama ada dari dalam dan luar negara. Antara isi kandungan usul itu ialah:

"Menginsafi Umno adalah satu-satunya parti yang ikhlas memperjuangkan nasib dan masa depan bangsa Melayu;

Menyedari Umno adalah tunjang kepada negara, serta tulang belakang kerajaan sejak merdeka;

Memahami perjuangan Umno adalah menerusi amalan demokrasi berparlimen dan kedaulatan undang-undang;

Mengakui perjuangan untuk mencapai cita-cita kebangsaan, demi mengangkat martabat dan harakat agama, bangsa dan negara, mesti diteruskan;

Maka, Perhimpunan Agung Khas Umno yang bersidang pada hari ini, Ahad 13 Disember 1998, bersamaan 24 Syabaan 1419 Hijrah, mengambil ketetapan untuk:

* Mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman musuh, sama ada dari dalam dan luar negara;

* Mengecam dan mengutuk sekeras-kerasnya campur tangan asing dalam urusan dalaman negara;

* Mempertahankan kesucian agama Islam dari diperalatkan untuk kepentingan politik, di samping mempertahankan kebebasan beragama dalam masyarakat majmuk di Malaysia;

* Menyokong dan berdiri teguh di belakang kepemimpinan negara, dalam usaha pemulihan dan penguatan ekonomi; dan

* Menentang sebarang bentuk usaha yang berbentuk unsur fitnah dan negatif yang boleh menjejaskan perpaduan parti dan kestabilan negara.

"Sehubungan itu, kami mengecam dan mengutuk sekeras-kerasnya campur tangan asing dalam urusan dalaman negara," katanya.

Menurutnya, Pemuda Umno turut mempertahankan kesucian agama Islam daripada diperalatkan untuk kepentingan politik, di samping mempertahankan kebebasan beragama di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

Pergerakan itu turut menyokong dan berdiri teguh bersama kepemimpinan parti dan negara dalam usaha pemulihan dan penguatan ekonomi serta menentang sebarang bentuk usaha berunsur fitnah dan negatif yang boleh menjejaskan perpaduan parti dan kestabilan negara.

(END)